

Pemeriksaan Strategi Institusi Wakaf dalam Mengurangkan Bebanan Ekonomi Masyarakat Akibat Covid-19

Empowerment of Waqf Institutional Strategies to Reduce the Economic Burden of the Community Due to Covid-19

Hamid, C. K. (Pengarang Penghubung)

Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA (UiTM)
Cawangan Terengganu, Kampus Dungun, Sura Hujung, 23000 Dungun,
Terengganu, Malaysia

Tel: +6098400400 Email: chekhadijah@uitm.edu.my

Yahaya, S.

Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan
Terengganu, Kampus Dungun, Sura Hujung, 23000 Dungun, Terengganu, Malaysia

Tel: +6098400400 Email: salimahyahya@uitm.edu.my

Mat Hassan, S.H.

Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Cawangan
Pahang, Kampus Raub, 27600 Raub, Pahang, Malaysia

Tel: +609-3515555 Email: suritahartini@uitm.edu.my

Abdullah, S.R.

Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA (UiTM)
Cawangan Kedah, Kampus Sungai Petani, 08400 Merbok, Kedah, Malaysia

Tel: +604-4562428 Email: sakinatulraadiyah@uitm.edu.my

Noor Zainan, N.I

Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA (UiTM)
Cawangan Terengganu, Kampus Dungun, Sura Hujung, 23000 Dungun,
Terengganu, Malaysia

Tel: +6098400400 Email: nurulizzah@uitm.edu.my

Abstrak

Penularan wabak Covid-19 yang berlaku sejak Tahun 2019 yang lalu pernah berada dalam keadaan merungsingkan dengan kadar jangkitan yang begitu pantas dan rekod kematian yang membimbangkan. Situasi ini telah membawa kepada satu lanskap perubahan yang begitu besar kepada kehidupan masyarakat sehingga menyebabkan ramai dalam kalangan masyarakat yang hilang punca pendapatan ekoran dibuang kerja serta tidak dapat menjalani kehidupan berekonomi seperti

sediakala. Bahkan, sistem ekonomi juga turut terganggu sehingga mengakibatkan sektor-sektor perindustrian semakin merosot. Begitu juga, kadar masalah sosial turut meningkat ekoran tekanan emosi yang dialami oleh sesetengah masyarakat berpunca daripada masalah kewangan. Ekoran keadaan yang rumit ini, jelaslah bahawa ia perlu ditangani dengan sebaik mungkin berpandukan kepada satu sistem ekonomi berpaksikan Islam ke arah membangunkan ekonomi ummah secara efektif dan holistik berdasarkan hukum syarak. Justeru mekanisme wakaf dilihat

menjadi tunjang penting sebagai alat menstabilkan ekonomi terutama dalam keadaan ketidakpastian aliran kewangan yang berlaku rentetan penyakit berjangkit yang dihadapi. Oleh yang demikian, kajian ini bermatlamat untuk meneliti kejayaan institusi wakaf terdahulu dan terkini dalam menangani isu ekonomi. Seterusnya, meneliti strategi-strategi institusi wakaf menangani bebanan ekonomi masyarakat akibat Covid-19 di Malaysia. Metodologi kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan pengumpulan data sekunder sebagai bahan rujukan utama. Kemudian, data dianalisis menggunakan analisis kandungan. Hasil kajian ini memperlihatkan jelas bahawa kejayaan institusi wakaf terdahulu dan pada masa kini wajar dijadikan *role model* bagi memantapkan lagi pengendalian wakaf di Malaysia. Kemudian, strategi-strategi institusi wakaf mengimbangi bebanan ekonomi akibat Covid-19 yang terjadi.

Kata Kunci: Kejayaan; Strategi; Institusi Wakaf; Bebanan Ekonomi Covid-19

Abstract

The transmission of the Covid-19 epidemic since late 2019 has caused widespread confusion due to its rapid infection rate and alarming death toll. This situation has led to significant changes in the lives of many, resulting in numerous individuals losing their sources of income due to layoffs and being unable to sustain their usual economic activities. The economic system has also been challenged, leading to a decline in various industrial sectors. Additionally, the rate of social problems has increased due to the emotional stress caused by financial difficulties. Given this complex situation, it is crucial to address these issues effectively and holistically through an Islamic economic system, particularly focusing on the waqf

mechanism as a key tool to stabilize the economy during periods of financial uncertainty caused by pandemics. This study aims to examine the success of both historical and contemporary waqf institutions in addressing economic challenges. Furthermore, it investigates the strategies employed by waqf institutions to mitigate the economic burdens on society due to Covid-19 in Malaysia. The methodology of this study employs qualitative methods, with secondary data collection serving as the primary reference material. The data is then analyzed using content analysis. The results clearly indicate that the successes of past and present waqf institutions should serve as models to enhance the management of waqf in Malaysia. Additionally, the strategies of waqf institutions help alleviate the economic burdens imposed by Covid-19.

Keywords: Success; Strategy; Waqf Institution; Economic Burden of Covid-19

Pengenalan

Semenjak wabak Covid-19 mula merebak di Wuhan, China pada awal tahun 2022 (Mohd Farique & Mohd Fauzi, 2021). Penularan wabak tersebut telah membawa satu fenomena yang besar kepada seluruh pelusuk dunia apabila satu penularan besar-besaran penyakit berjangkit yang mana apabila sekiranya tidak dikawal dengan sebaik mungkin boleh menyebabkan kemusnahan yang berganda kepada sektor kesihatan, pekerjaan, sosial, ekonomi dan politik. Bagi mengurangi bebanan ketidakstabilan ekonomi, kebanyakan negara yang terlibat dalam wabak Covid-19 telah melancarkan pakej rangsangan ekonomi antaranya Amerika mengumumkan pakej rangsangan ekonomi terbesar sebanyak \$2 trilion. Diikuti oleh Jerman sebanyak \$810 bilion, Jepun sebanyak \$500 bilion, Britain sebanyak

\$436 bilion, negara-negara Afrika sebanyak \$100 bilion, negara-negara Timur Tengah sebanyak \$47 billion, Kanada sebanyak \$18.8 bilion, Australia \$17 bilion, Turki \$15.5 bilion, Korea Selatan \$13.7 bilion, Singapura \$34 bilion, manakala Malaysia pula sebanyak \$57.76 bilion (Mohd Farique & Mohd Fauzi, 2021). Menurut laporan IMF, pada tahun 2020, antara negara yang mencatat peningkatan kes pengangguran yang sangat ketara dikala pandemik adalah seperti Brazil dengan 13.4%, Italy 11%, Canada 9.7% berbanding hanya 5.7% pada tahun sebelumnya begitu juga dengan Amerika Syarikat 8.9% yang merupakan peningkatan mendadak dengan hanya sekadar 3.7% pada tahun 2019. Di Australia dan United Kingdom yang mencatatkan pertumbuhan sektor pekerjaan yang negatif menghampiri 60% (Chandran et al., 2021).

Secara umumnya, virus Covid-19 yang melanda dunia sejak akhir tahun 2019 sehingga kini memberi pelbagai impak dan cabaran kepada masyarakat dunia dalam mendepani wabak ini. Banyak negara dunia mengalami kelumpuhan dan terjejas teruk termasuk Negara Malaysia. Berikutan itu, selain sektor ekonomi antara sektor lain yang turut terjejas ekoran wabak ini ialah sektor kesihatan dan ekonomi (Zuriani et al., 2022; Khairul Hisyam et al., 2021). Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pada Tahun 2020 telah mengkatégorikan keadaan tersebut sebagai pandemik kerana wabaknya sangat meluas tanpa sempadan sehingga mengancam kawasan di seluruh dunia dan sukar dikawal.

Jika diamati apa yang berlaku ekoran tercetusnya pandemik Covid-19 ia telah memberi impak yang sangat besar kepada seluruh pihak. Tekanan yang dihadapi bukan sahaja tertumpu kepada isu berkaitan ekonomi malahan sistem pendidikan dan sosial juga turut terjejas. Justeru, untuk menangani masalah ini beberapa badan korporat dan pihak bertanggungjawab telah

menyusun strategi untuk membantu dalam mengurangkan bebanan ekonomi masyarakat akibat Covid-19.

Penyusunan strategi penting untuk dilaksanakan dengan baik di Malaysia kerana apabila berlakunya perkara yang tidak dijangkakan seperti penyebaran penyakit berjangkit yang menjejaskan kestabilan ekonomi sesebuah negara dan pelbagai lagi isu yang timbul ekoran penyebaran penyakit tersebut. Oleh yang demikian, perlunya ekonomi berpaksikan secara pengurusan Islam diketengahkan dalam segala aspek pembangunan negara. Berdasarkan kepentingan tersebut, wakaf di Malaysia ini haruslah dikendalikan dengan begitu berkesan agar segala bentuk permasalahan yang bakal timbul, pengendaliannya dapat diuruskan dengan sebaik mungkin.

Secara umumnya, amalan berwakaf dilihat dapat memberi kesan yang besar kepada proses pengalihan manusia sejagat ke arah memperolehi sumber kekayaan yang membawa kepada pembangunan dan kemajuan secara menyeluruh. Sistem wakaf sebenarnya mempunyai sesuatu hikmah yang penuh dengan intipati tersurat dan tersirat agar diterokai dengan lebih mendalam oleh umat Islam khususnya, supaya kesan daripada amalan tersebut dapat dirasai dan diteladani. Berikutan itu, matlamat wakaf seharusnya diamati dan difahami melalui dua tunjang utama. Pertama, intipati tersurat yang dimaksudkan adalah mencakupi perkara-perkara yang dapat dilihat oleh pancaindera manusia seperti memperolehi, menggunakan, membangunkan dan memakmurkan. Keberadaan intipati tersurat yang dapat difahami dengan lebih mudah adalah dengan dapatan yang diperolehi daripada amalan wakaf antaranya memperolehi harta bernilai seperti tanah, bangunan dan wang ringgit. Dengan perolehan itu, manusia mendapat kebaikan daripada amalan

tersebut. Kedua, intipati tersirat adalah berbeza sama sekali apabila diperolehi melalui perkara-perkara yang tidak dapat dilihat oleh pancaindera manusia seperti pahala, keberkatan hidup dan amalan baik yang secara tidak langsung diperolehi oleh seseorang Muslim yang melaksanakan amalan wakaf.

Pelbagai bentuk pendekatan wakaf telah direncanakan oleh pihak bertanggungjawab ke atas harta-harta wakaf, terbukti fenomena ini telah menyumbang kepada kepelbagaian bentuk dan model aplikasi wakaf. Penelitian terhadap amalan berwakaf semasa mendapati bahawa terdapat pelbagai bentuk wakaf yang diamalkan di seluruh dunia pada hari ini seperti saham wakaf, wakaf saham, wakaf takaful, wakaf tunai produk deposit dan wakaf tunai korporat (Othman, 2014). Sementara itu, pendekatan yang sedia ada di Malaysia, sebelum ini memperlihatkan bahawa wakaf telah mempunyai asas yang tersendiri apabila sistem perwakafan secara tunai contohnya ditawarkan pada beberapa negeri di Malaysia. Misalnya, Negeri Pahang, Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP) sedia menawarkan aplikasi wakaf tunai dengan membuka peluang kepada umat Islam yang berminat untuk melakukan ibadat wakaf dengan membuat pembelian unit-unit saham yang ditawarkan dengan harga minimum RM10.00 dan tiada had dikenakan terhadap pembelian unit-unit wakaf tersebut (Othman & Ahmad, 2015).

Fenomena yang sama juga turut berlaku di Negeri Pulau Pinang apabila tertubuhnya Skim Dana Wakaf Pulau Pinang yang diwujudkan melalui peruntukan Syeksen 90 (4), Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pulau Pinang 1993 (Abdullah, 2009). Sehubungan dengan penawaran skim tersebut, beberapa keistimewaan diperkenalkan antaranya pewakaf hanya memerlukan jumlah

sebanyak minimum RM5.00 untuk membuat sumbangan. Bagi kaedah kutipan dana wakaf, kutipan diperolehi dengan pelbagai kaedah yang diwujudkan antaranya kaedah melalui potongan gaji, pengedaran risalah-risalah dan pembukaan kaunter ataupun hebahan menggunakan laman sesawang Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) (Hamid, 2010). Sementara itu, di Negeri Kedah melalui Majlis Agama Islam Negeri Kedah (MAIK) kaedah pelaksanaan wakaf tunai yang diamalkan adalah turut mempunyai persamaan dengan negeri-negeri lain. Beberapa kaedah untuk menyertai wakaf tunai di Kedah adalah merangkumi perkhidmatan kaunter, pembayaran melalui perbankan internet, cek dan potongan gaji. Walau bagaimanapun, tiada jumlah minimum atau maksimum yang ditetapkan kepada seseorang pewakaf di negeri tersebut (MAIK, 2017). Kemudian, di Negeri Terengganu pula berwakaf secara tunai telah diletakkan di bawah Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM). Penekanan kaedah penjanaan dana wakaf di Terengganu bermatlamat membina binaan kekal untuk mendapatkan hasil. Pembinaan kekal yang dimaksudkan mencakupi perladangan, bangunan, perniagaan dan perindustrian. Hasil daripada penjanaan dana tersebut dibahagikan kepada dua bahagian, pertama dilaburkan semula dalam bentuk sijil kewangan dan hartanah kemudian bahagian kedua digunakan sebagai kebajikan masyarakat (MAIDAM, 2017). Di Negeri Kelantan, pelaksanaan wakaf tunai dikendalikan oleh Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) yang telah mendapat kelulusan pada 9 Jun 2013 dan matlamat penubuhannya mempunyai persamaan dengan negeri-negeri lain iaitu menumpukan kepada pembinaan aset-aset kekal (MAIK, 2017).

Berdasarkan perkembangan tersebut, keberhasilan produk-produk wakaf yang

dilaksanakan pada masa ini sedikit sebanyak dipengaruhi daripada penggunaan teknologi semasa yang banyak membantu dan menyumbang ke arah kejayaan wakaf. Perkara ini terbukti apabila penggunaan teknologi mudah alih seperti mesej pesanan ringkas (SMS) dan pemindahan wang menerusi bank mempamerkan ciri-ciri wakaf yang mesra pelanggan, luwes, mudah, kreatif dan inovatif (Othman, 2014). Beberapa kejayaan terhasil dengan bantuan instrumen teknologi semasa dapat dilihat antaranya pada September 2012 sebuah syarikat kewangan Islam iaitu Bank Muamalat Malaysia Berhad (BMMB) telah bekerjasama dengan Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) memperkenalkan skim wakaf tunai yang dikenali sebagai Wakaf Selangor Muamalat (WSM). Hasil kerjasama tersebut telah memberi kemudahan kepada masyarakat Islam apabila setiap sumbangan wakaf boleh dilakukan melalui perbankan internet (Mohd Ramli & Jalil, 2014).

Dalam pada itu, pemikiran yang inovasi merupakan elemen penting yang perlu wujud supaya pembangunan dan penyelenggaraan wakaf dapat dilakukan secara berterusan. Keberhasilan produk-produk wakaf juga bergantung kepada institusi pengurusan selaku pemegang amanah dalam meneroka penjana modal pembangunan projek-projek wakaf menggunakan instrumen kewangan dalam pasaran modal yang menjadi berkepentingan terutama pada pasca Covid-19 yang melanda dunia.

Terdapat beberapa cadangan agar bentuk dan aplikasi wakaf dapat dijalankan antaranya melalui penjana modal menggunakan sukuk yang boleh menjana pasaran modal berskala besar. Perkara ini kerana, sukuk dilihat berpotensi menjadi penjana kepada keperluan modal untuk membangun, menyelenggara, membuat pelaburan baharu serta sebagai instrumen

untuk perwakafan dalam kategori wakaf tunai (Ngadimon, 2015). Cadangan ke atas instrumen kewangan Islam turut tertumpu kepada aplikasi takaful ke dalam model wakaf. Pada hakikatnya, Pelan Takaful Wakaf (PTW) pernah dilaksanakan di Malaysia oleh Syarikat Takaful Malaysia Berhad pada tahun 2002 dan diguna pakai sehingga tahun 2009, inisiatif yang diambil adalah melalui gabungan antara takaful dan wakaf, namun pelan yang dilaksanakan adalah berbeza dengan pelan yang dilaksanakan di Pakistan, pendekatan yang diambil adalah menggunakan kontrak *mudarabat* (Wan Ab Rahman & Yaacob, 2014). Dasar pembentukan takaful berasaskan wakaf bergantung pada beberapa perkara berkaitan hukum wakaf. Pertama, wakaf wang yang dihukumkan harus dan kedua pewakaf berhak mengambil manfaat daripada harta yang diwakafkan. Ketiga, sebarang sumbangan yang disumbangkan kepada harta wakaf tidak dianggap sebagai wakaf. Keempat, wakaf mesti dilakukan untuk pihak yang wujud secara berterusan (Mohd Noor & Zakaria, 2010). Walau bagaimanapun, apabila meneliti perkembangan PTW di Malaysia, aplikasi sebegini sudah tidak diamalkan di Malaysia semenjak tahun 2009 dalam sistem kewangan Islam. Dengan sebab itu, Wan Ab Rahman dan Yaacob (2014) melihat bahawa satu pemikiran yang inovatif perlu dilakukan antaranya mencadangkan agar PTW perlu dibawa semula ke pasaran semasa dengan menyepadukan wakaf dalam polisi takaful dengan menggunakan model berbeza daripada apa yang telah dilaksanakan sebelum ini. PTW dilihat menjadi begitu penting dalam menangani isu kegusaran kesihatan akibat Covid-19.

Selanjutnya, perbincangan diteruskan kepada bentuk dan aplikasi wakaf yang menumpukan ke arah entiti korporat misalnya Wakaf Koperasi *Johor Corporation* (JCorp), merupakan salah satu

bentuk wakaf kontemporari dan wakaf yang diadaptasi daripada wakaf saham Islam iaitu dilakukan dengan mewakafkan sejumlah saham yang dimiliki oleh individu atau syarikat dengan mengagihkan bahagian keuntungan kepada masyarakat (Borham & Mahamood, 2013). Setelah dibuat penelitian, JCorp telah melaksanakan wakaf korporat melalui *Wakaf An-Nur Corporation (wanCorp)* dan mewakafkan saham miliknya yang bernilai RM200 juta bagi memfokuskan kepada aspek kesihatan yang secara tidak langsung menyumbang kepada kebajikan dan kesejahteraan masyarakat (Ramli & Jalil, 2014).

Selain wakaf korporat, bentuk dan aplikasi wakaf yang turut menjadi tumpuan pada masa ini adalah aplikasi wakaf berasaskan *crowdfunding*. Secara dasarnya, aplikasi ini adalah salah satu cara untuk mencari dana wakaf dan menjadikan kaedah teknologi sebagai mekanisme utama seperti mana penjana dana melalui *online* atau *website*. Pemahaman yang mudah untuk difahami mengenai wakaf berasaskan *crowdfunding* adalah bertujuan meningkatkan pembiayaan wakaf di seluruh dunia dengan cara moden. Walau bagaimanapun, tumpuan dan penggunaan wakaf berasaskan *crowdfunding* masih di peringkat awal dan didapati bahawa kajian-kajian akademik yang membincangkan tentang perkara ini juga adalah terhad (Suhaili & Palil, 2016). Pendekatan *crowdfunding* sebegini dilihat sebagai salah satu pemikiran inovatif yang mampu membawa perkembangan dan peningkatan terhadap kemajuan bidang wakaf. Sehubungan dengan itu, apabila penelitian pada keseluruhan perbincangan jelas bentuk dan aplikasi wakaf mampu menjana dana yang lebih progresif terutama pada zaman dunia dilanda Covid-19 yang memerlukan keberkesanan pengurusan aset yang dijana secara maksimum. Di samping itu, keberkesanan wakaf dilihat apabila amalan tersebut dijadikan sebagai

mekanisme pelaburan oleh pihak-pihak pengendalian wakaf, dengan kerjasama pihak kewangan Islam di Malaysia khususnya yang menyumbangkan kepada kekuatan ekonomi negara.

Metodologi

Penyelidik menyifatkan bahawa kajian ini sebagai kajian penerokaan, maka maklumat dan pengetahuan yang terperinci diperlukan untuk memahami dan menilai permasalahan kajian secara lebih teliti (Harun et al., 2004; Babbie, 2007; Piaw, 2007; Marican, 2005; Sekaran, 2005). Menurut Awang et al. (2008), kajian penerokaan biasanya dijalankan untuk memperjelaskan sesuatu permasalahan. Kebiasaannya, masalah yang diperjelas adalah bersifat umum, bermatlamat memberi keterangan yang muktamad sebelum sesuatu kesilapan dilakukan secara serius. Selain, kajian ini membabitkan pengumpulan data sekunder yang merangkumi fasa pertama iaitu berbentuk teoretikal. Pada hakikatnya, fasa yang kritikal dalam penyelidikan adalah pada peringkat pengumpulan data (Bulmer & Donald, 1993).

Pengumpulan data sekunder dibuat menerusi kajian dokumen. Pengumpulan data sekunder dalam kajian ini melibatkan sumber-sumber berteraskan Islam dan sumber-sumber dokumentasi lain turut digunakan dalam kajian ini meliputi jurnal, tesis, disertasi, buku, artikel dan kertas seminar. Laman-laman sesawang yang utama turut dijadikan sebagai rujukan. Seterusnya, kaedah analisis yang diguna pakai dalam penyelidikan ini melibatkan kaedah analisis kandungan (*content analysis*). Kaedah ini dipilih kerana data sekunder adalah berbentuk kualitatif. Semasa penyelidik melakukan penganalisan data kajian, perbandingan data secara mendalam diteliti agar kewujudan pelbagai data membantu penyelidik memahami dengan lebih lanjut.

Oleh yang demikian, perkara ini dapat membantu penyelidik membuat keputusan yang lebih baik (Kumar et al., 2013).

Dapatan dan Perbincangan

Pensyariatan Wakaf dan Pengamalannya dalam Islam

Secara umumnya, wakaf ialah menyerahkan harta yang bermanfaat sama ada dalam bentuk harta alih atau tak alih untuk dimanfaatkan oleh masyarakat atau ahli keluarga, ianya adalah berdasarkan niat seseorang pewakaf. Oleh sebab itu, harta yang ingin diwakafkan seharusnya harta yang produktif agar harta tersebut dapat dimanfaatkan untuk jangka masa yang lama secara berterusan. Harta yang telah diwakafkan tidak boleh diwarisi, dijual, dibeli atau dihibahkan. Konsep wakaf ini disandarkan pada Hadith Nabi Muhammad SAW yang diriwayatkan oleh al-Bukhari yang bermaksud:

“Bahawa Saidina Umar RA pernah berkata: Wahai Rasulullah SAW, saya telah memperolehi harta yang saya tidak pernah peroleh sebelum ini dan saya ingin menghampiri Allah SWT menerusinya. Lalu Rasulullah SAW menjawab: Tahankan (wakafkan) asal harta itu dan sedekahkan hasilnya. Lalu Saidina Umar RA jadikan hartanya itu (tanah yang diperoleh dari Khaybar) sebagai harta sedekah yang tidak boleh dijual, dibeli, diwarisi atau dihibahkan” (Riwayat al-Bukhari, No. Hadith 2620; Riwayat Muslim, No. Hadith 1632).

Berdasarkan Hadith tersebut, “tahankan (wakafkan) asal harta itu dan sedekahkan hasilnya” merupakan kata kunci dalam membahaskan konsep wakaf oleh para ulama iaitu mengekalkan ‘*ayn* (fizikal) harta wakaf sebagaimana yang disepakati

oleh para ulama (Zahrah, 2007). Begitu juga dengan ayat “wakaf tidak boleh dijual, dibeli, diwarisi dan dihibahkan” daripada Hadith tersebut juga dijadikan pokok perbincangan berkaitan prinsip-prinsip dalam melaksanakan amalan wakaf iaitu harta mestilah bersifat kekal; tidak boleh dijual, dibeli, diwarisi atau dihibah; dan tidak dibenarkan menarik balik atau membatalkan niat tersebut (Che Seman et al., 2014). Prinsip-prinsip inilah yang membezakan amalan wakaf dengan amalan sedekah lain dalam Islam.

Menurut Awang Othman (1998), terdapat tiga syarat wakaf iaitu kekal, tunai dan jelas. Kekal membawa maksud harta benda yang diwakafkan bukan untuk masa yang singkat atau terhad tetapi hendaklah untuk selamanya. Oleh itu jika seseorang membataskan wakafnya untuk tempoh tertentu maka wakafnya tidak sah, kerana wakaf hendaklah berkekalan bukan terhad untuk tempoh masa tertentu. Syarat ini juga membuktikan keperluan mengekalkan harta wakaf iaitu mengekalkan ‘*ayn* harta wakaf tersebut (al-Syarbīnī, 2000). Oleh itu, jelas di sini bahawa elemen utama dalam membangunkan harta wakaf ialah “kekal” iaitu mengekalkan ‘*ayn* harta wakaf tersebut. Dengan kata lain, sebarang bentuk pembangunan ke atas harta wakaf tidak mengakibatkan kehilangan, kerosakan atau kekurangan nilai harta wakaf tersebut supaya dapat dimanfaatkan secara berterusan.

Terdapat empat syarat harta yang boleh diwakafkan iaitu berbentuk objek tertentu, milik *waqif* (pewakaf), boleh dipindah milikkan, boleh digunakan selama-lamanya dan diharuskan syarak. *Mauquf ‘alayh* pula adalah penerima manfaat daripada harta wakaf tersebut yang terdiri daripada individu, sekumpulan individu atau organisasi. *Mauquf ‘alayh* terbahagi kepada dua iaitu khusus dan umum. *Mauquf ‘alayh* khusus adalah kumpulan atau individu yang

telah dikhususkan semasa *sighah*. Manakala *mauquf 'alayh* umum pula adalah golongan yang bersifat umum seperti fakir, miskin, ulama, dan sebagainya. *Sighah* pula merujuk kepada lafaz wakaf oleh *waqif* dan merupakan rukun terpenting dalam menentukan pengesahan wakaf. Hal ini bertujuan membezakan pemberian tersebut sedekah atau wakaf (Mustofa Al-Khin et al., 1998; Sabran, 2002; Sayin et al., 2006; Wan Yon, 2008).

Harta-harta wakaf juga turut dikatakan sebagai salah satu institusi ekonomi yang dapat menyumbang kepada perkembangan ekonomi negara dan umat Islam khususnya (Othman, 2015). Keadaan ini menunjukkan bahawa pembangunan ke atas harta wakaf perlu dilaksanakan dengan semaksimum yang mungkin kerana berpotensi menjadi pemangkin kepada kestabilan ekonomi negara. Menurut Mohd (2015), pembangunan yang dilakukan mestilah berpaksikan kepada satu bentuk pembangunan yang terbaik untuk memastikan harta wakaf itu berkekalan di samping dapat meningkatkan tahap sosio ekonomi umat Islam. Tambah beliau lagi, perkara ini boleh dilaksanakan dan sudah terbukti kejayaannya berdasarkan pengalaman pembangunan dan pengurusan wakaf pada zaman awal tamadun Islam.

Wakaf merupakan amalan menyerahkan harta yang bermanfaat untuk dimanfaatkan kepada ahli keluarga dan juga masyarakat secara berterusan atau selama-lamanya. Menurut Sayin et al. (2006) dan Ab Rahman (2009) wakaf juga merupakan ibadah sunat yang digalakkan kepada umat Islam kerana dijamin pahala yang berterusan selagi mana harta yang diwakafkan dimanfaatkan walaupun setelah meninggal dunia. Othman (2013b) pula menyifatkan wakaf sebagai sebuah institusi sosio ekonomi yang berteraskan undang-undang Islam dan telah melalui perkembangan yang luas serta menarik sejak 1400 tahun yang lalu.

Menurut beliau lagi, walaupun kewujudannya bermula sebelum kedatangan Islam, namun syariat Islam merupakan penggerak utama pembangunan dan perkembangan institusi wakaf sehingga menjadi sumber pembiayaan dalam pembangunan sosio ekonomi umat Islam. Para ulama sependapat bahawa wakaf disyariatkan serta dibangunkan oleh Rasulullah SAW di Madinah dan kemudian diperkukuhkan melalui Ijma' ulama. Dalam pada itu nas-nas al-Quran berkaitan dengan konsep sedekah menjadi asas yang mengukuhkan amalan wakaf iaitu mendekatkan diri kepada Allah SWT (*taqarrub*) dan galakan melakukan amal kebajikan untuk mendapatkan ganjaran yang berterusan daripada Allah SWT.

Kejayaan Institusi Wakaf

Kemajuan kepada Pelbagai Sektor Pendidikan dan Kesihatan
Kejayaan daripada penghasilan institusi wakaf merupakan salah satu elemen yang penting dalam usaha pembangunan dan memperkasakan sesebuah negara. Sektor pendidikan misalnya merupakan sektor yang berpotensi besar kepada kebolehpayaan masyarakat dalam melahirkan modal insan kelas pertama (Ali & Wahid, 2014). Berdasarkan kepada faktor sejarah, peranan wakaf terbukti telah dipraktikkan sejak Zaman Rasulullah SAW yang berfungsi sebagai pemangkin ekonomi dan pembangunan umat Islam (Isamail et al., 2015). Kejayaan institusi wakaf terbukti jelas melalui perkembangan Zaman Kerajaan Uthmaniyyah (1299-1924) apabila satu pertiga daripada pembangunan kota tersebut termasuk jalan raya, bangunan dan perairan adalah daripada sumber wakaf. Malahan ianya telah bermula semasa Kerajaan Abbasiyah (754-1258M), Ayyubiah (1171-1249M), Mamalik (1249-1517M) dan terus kepada Kerajaan Uthmaniyyah yang mana pada zaman tersebut pendapatan wakafnya pernah

dinyatakan sebanyak satu pertiga kepada separuh daripada keseluruhan jumlah pendapatan negeri (Siti Zakiah Ali & Hairunnizam Wahid, 2014). Begitu juga, kejayaan Universiti al-Azhar, Kaherah Mesir yang berperanan dalam menyediakan tempat tinggal yang dimanaft daripada dana wakaf dan seterusnya menjadi institusi pendidikan yang berjaya sebagai lambang kepada negara yang majoriti menganut agama Islam (Rashid et al., 2022). Dalam pada itu, kejayaan hasil daripada instrumen wakaf turut membawa kepada pembangunan kesihatan sesebuah negara apabila wakaf memainkan peranan yang sangat signifikan terutama membabitkan institusi perubatan dalam tamadun Islam khususnya yang membawa kepada pembinaan kemudahan kesihatan seperti klinik, hospital, klinik-klinik bergerak dan hospital-hospital universiti yang kebanyakkan ditubuhkan dengan pembiayaan wakaf. Begitu juga dengan perkhidmatan perubatan seperti rumah-rumah penginapan musafir, masjid dan pelbagai lagi kemudahan yang mampu dihasilkan untuk keseimbangan pembangunan kesihatan (Karim et al., 2014)

Sumber Pembiayaan Sosioekonomi Ummah

Dalam aspek pembangunan ekonomi, antara impak positif yang jelas menonjolkan kejayaan institusi wakaf ialah berperanan menjana hasil baharu daripada aset yang diwakafkan antaranya sebagai sumber pelaburan dengan menghasilkan barangan dan perkhidmatan untuk pasaran, yang mana penjanaan pendapatan daripada pelaburan tersebut diberikan kepada benefisiari. Contohnya di Malaysia, hasil wakaf diperoleh menerusi sewaan atau dipajakkan antaranya yang telah dilaksanakan oleh Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) berjaya menjana hasil dan mengagihkan manfaat sewaan aset wakaf berjumlah RM272,775.65 bagi tahun 2011

hingga 2013 (Suhaimi & Ab Rahman, 2021). Selain itu, wakaf memainkan peranan dalam menjamin sekuriti makanan dan kestabilan harga makanan dengan memberi bantuan kepada petani dalam bentuk usaha sama (*joint Venture*) (Mohammad Idris et al., 2023). Dalam konteks tanah terbiar, apabila sesebuah tanah pertanian terbiar diwakafkan dengan tujuan untuk menguruskan tanah. Misalnya di Selangor dan Pulau Pinang dibawah projek rintis wakaf pertanian telah mendatangkan hasil dan memberi manfaat kepada keperluan masyarakat seterusnya mengurangkan bebanan yang dihadapi masyarakat di samping menyediakan peluang pekerjaan kepada penduduk luar bandar (Mohammad Idris et al., 2023).

Selain itu, kejayaan institusi wakaf terus menerus apabila wakaf juga telah memainkan peranan dalam menyediakan keperluan asas iaitu tempat tinggal. Tanah-tanah wakaf juga dibangunkan dengan projek perumahan yang disewakan kepada masyarakat Islam dengan harga yang rendah khususnya disewakan kepada golongan yang miskin (Ab Rahman, 2009). Kejayaan wakaf, misalnya di *United Kingdom* (UK), pertubuhan *Islamic Relief* telah memperkenalkan beberapa bentuk wakaf untuk membantu umat Islam di seluruh dunia iaitu wakaf air dan sanitasi, wakaf korban, wakaf kesihatan, wakaf pendidikan, wakaf anak yatim, wakaf bantuan kecemasan, wakaf pendapatan bergenerasi dan wakaf dana masa hadapan. Antara pihak yang mendapat manfaat dari pelbagai projek wakaf ini ialah kanak-kanak Palestin, mangsa perang di Bosnia, rakyat miskin di Bangladesh, Mali, Sudan dan seumpamanya (Ab Rahman, 2009)

Menyedari bahawa kesan daripada pandemik COVID-19 juga telah menyebabkan banyak industri makanan atau kedai-kedai makan yang terpaksa ditutup ekoran kegagalan industri ini

beroperasi seperti biasa. Hal ini menunjukkan pentingnya sektor pertanian dan makanan kepada negara terutamanya dalam mengurangkan kerbergantungan kepada makanan import. Justeru, strategi institusi waqaf adalah sewajarnya menyediakan insentif atau sumber pembiayaan kepada industri makanan negara dengan kemudahan dana yang fleksibel. Antaranya ialah dengan memberi insentif kepada usahawan dalam industri pertanian atau makanan dari dana wakaf untuk meluaskan pasaran mereka (Rashid et al., 2023).

Meningkatkan Kelestarian Ekonomi dan Pembangunan Keadilan Sosial. Salah satu aspek yang penting kejayaan dalam pelaksanaan wakaf adalah apabila pelaksanaannya mampu untuk melestarikan kehidupan umat Islam yang bukan hanya bersifat sementara tetapi kekal dari satu generasi ke generasi yang akan datang (Mustaffa et al., 2022). Dalam membicarakan mengenai kelestarian ekonomi, wakaf dilihat mampu menjadi instrumen keadilan sosial bertujuan untuk membantu mengurangkan jurang di antara yang kaya dan miskin. Bertepatan dengan pegangan Agama Islam yang amat menitikberatkan keadilan sosial kerana pegangan kepada asas pembangunan Islam mampu melahirkan kesejahteraan ummah secara keseluruhannya yang mana akan dapat dinikmati secara sama rata. Dalam memastikan keadilan sosial, sistem ekonomi Islam amat menekankan prinsip keadilan, keikhlasan dan beretika. Sehubungan itu, keperluan syariah perlu diikuti sepenuhnya oleh institusi wakaf, zakat dan baitulmal dengan tidak melakukan perkara haram, tidak memanipulasi, tiada riba dan tiada unsur-unsur perjudian demi kesejahteraan fizikal, mental dan rohani (Abdul Ghani et al., 2017).

Peranan wakaf dalam ekonomi juga berupaya mengurangkan perbelanjaan penglibatan kerajaan dalam ekonomi, mengelakkan kewangan defisit dan mengurangkan kadar bunga, memulihkan agihan pendapatan dan kekayaan dalam masyarakat, membasmi kemiskinan dan mempergiatkan aktiviti ekonomi (Mohammad Idris et al., 2023). Pada masa ini peranan wakaf dalam pembangunan ekonomi dapat dilihat di seluruh dunia. Contohnya di Singapura 170,000 pekerja Islam membuat caruman sebanyak \$2-\$11.50 sebulan menggunakan mekanisme CPF (Tabung Simpanan Pekerja) dan berjaya mengumpul sebanyak \$6 juta setiap tahun (Ab Rahman, 2009). Di Kuwait pula, telah ditubuhkan Yayasan Wakaf Am Kuwait atau *Kuwait Awqaf Public Foundation* (KAPF) pada tahun 1993 yang mempunyai tujuan khusus untuk wakaf dan pembangunan projek-projek wakaf untuk masyarakat (Ab Rahman, 2009). Disamping itu juga wakaf mampu menjadi wadah pembasmi kemiskinan dan instrumen penyelesaian masalah hutang.

Strategi Institusi Wakaf Menangani Bebanan Ekonomi Masyarakat Akibat Covid-19 di Malaysia

Umumnya mengetahui, bahawa penyakit Coronavirus telah memberi impak yang begitu besar kepada struktur pembangunan sesebuah negara antaranya dari sudut pemulihan ekonomi, aktiviti-aktiviti sosial, perubatan, pendidikan dan hampir seluruh sektor turut terkesan. Oleh sebab itu, dapat dilihat sektor ekonomi adalah sektor yang sangat terkesan dan telah mengubah landskap ekonomi global begitu juga impak yang terjadi kepada sektor kesihatan (Abdul Haniff et al., 2021). Ancaman penularan Covid-19 telah meninggalkan kesan dan perubahan yang mendalam dalam kehidupan semua manusia, antaranya golongan yang terkesan adalah isi rumah B40 kerana golongan tersebut mempunyai

hanya sedikit atau tiada langsung wang simpanan untuk menampung kehidupan, kehilangan kerja, terpaksa mengambil cuti tanpa gaji atau pemotongan gaji berikutan perintah kawalan pergerakan (PKP) dan mengakibatkan aktiviti ekonomi tidak dapat dijalankan (Ibhrim et al., 2022). Selain itu, pandemik telah meletakkan beban yang tidak pernah berlaku sebelum ini kepada ekonomi dunia, penjagaan kesihatan, globalisasi melalui perjalanan, pembatalan acara, tenaga kerja pekerjaan, rantai makanan, akademik dan kapasiti penjagaan kesihatan (Shrestha et al., 2020) serta lain-lain kesan akibat daripada masalah ini.

Dengan sebab itu, pelbagai strategi telah dilaksanakan oleh institusi wakaf bagi membantu masyarakat terutama golongan pekerja, para pelajar dan seluruh masyarakat yang terjejas. Pelaksanaan strategi melalui institusi wakaf untuk menangani bebanan ekonomi akibat COVID-19 boleh membantu masyarakat yang terkesan dengan cara yang berkesan. Hal ini kerana, wakaf adalah amalan memberikan harta atau aset untuk tujuan sosial atau keagamaan, dan ia boleh digunakan sebagai alat untuk membantu orang yang memerlukan dalam situasi krisis seperti pandemik COVID-19. Justeru beberapa pendekatan seharusnya dilaksanakan untuk memantapkan lagi ekonomi dan aktiviti kemasyarakatan lebih terjamin.

Pendekatan berkaitan dengan strategi yang boleh diambil oleh institusi wakaf antaranya ialah: (a) menggerakkan dana bagi mengembangkan modal sosial ke arah pembangunan sosial iaitu pengukuhan keluarga dan perkhidmatan sosial. Misalnya, memberi bantuan kewangan daripada hasil wakaf seperti keuntungan sewaan premis dan penajaan hasil daripada penggunaan bangunan wakaf, antaranya memberikan bantuan kewangan secara langsung kepada individu dan

keluarga yang terkesan seperti membayar sewa, bil utiliti, atau perbelanjaan perubatan yang berkaitan dengan Covid-19 (Intan Fatima Anwar, Nuradli Ridzwan Shah Mohd Dali, Syadiyah Abdul Shukor & Muhamad Azrin Nazri, 2020). Dana wakaf yang terkumpul terutamanya melalui wakaf tunai mampu menjadi mekanisme pengagihan sumbangan kepada kepentingan masalah umat Islam terutamanya dalam keadaan masyarakat berhadapan situasi di luar jangka, (b) menyediakan sumber pembiayaan kepada pelbagai sektor penting negara. Pembiayaan boleh disalurkan kepada sektor pendidikan antaranya ke sekolah, Institut Pengajian Tinggi (IPT) awan atau swasta, badan-badan bukan kerajaan (NGO) yang mana berperanan kepada pendekatan penajaan pendapatan. Misalnya di IPTA sumbangan dalam aspek penyelidikan dan pembangunan amat menjadi kepentingan. Hal ini kerana, dana wakaf boleh digunakan untuk penyelidikan dan pembangunan dalam bidang perubatan dan vaksinasi untuk membantu dalam usaha menangani Covid-19 (Intan Fatima Anwar, Nuradli Ridzwan Shah Mohd Dali, Syadiyah Abdul Shukor & Muhamad Azrin Nazri, 2020). Di peringkat sekolah, penyediaan sumber pembiayaan boleh disalurkan kepada guru-guru, pihak sekolah, pelajar-pelajar terutama yang mengalami kesan yang teruk akibat Covid-19.

Alat bantu belajar dan mengajar perlu dipertingkatkan kemudahan jalur lebar seperti capaian internet, alat peranti pembelajaran, komputer, telefon, pelbagai bentuk aplikasi pembelajaran alam maya yang menjadi keperluan kepada sektor pendidikan. Hampir kesemua, peralatan pengajaran dan pembelajaran tersebut boleh disediakan dengan lebih mudah apabila institusi wakaf mampu menjana pembiayaan tersebut, dan (c) pengukuhan terhadap empat elemen penting iaitu pembangunan untuk pelaburan,

pembangunan melalui pengurusan, pembangunan dalam pelaksanaan dan pembangunan melalui sumber agihan. Strategi empat elemen ini seharusnya sudah pasti dapat direalisasikan dengan kekuatan pelaksanaan institusi wakaf. Elemen pelaburan wakaf misalnya dana menjana pulangan pendapatan yang lumayan sekiranya dikendalikan dengan cara yang betul. Kadar keuntungan yang dijana melalui elemen pelaburan wakaf mampu memberi pulangan modal yang besar kepada negara. Begitu juga dengan elemen pengurusan wakaf sekiranya diuruskan dengan sistematik, perancangan yang terancang mampu menempis segala kemungkinan yang bakal terjadi antara penyakit berjangkit Covid-19 yang tidak diingini berlaku. Elemen pembangunan dalam pelaksanaan mampu memberi kemajuan dalam pelbagai aspek kepada negara dan masyarakat. Seterusnya pembangunan sumber agihan yang kukuh mampu menangani isu-isu yang muncul ekoran Covid-19.

Agihan sumber Islam zakat, sedekah termasuk juga wakaf pada hakikat mampu memberi pulangan kepada penyelesaian masalah, manakala (d) Inovatif terhadap sistem pengurusan antaranya kesediaan pembaruan kepada institusi sedia ada dalam meningkatkan kecekapan pengurusan. Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) selaku pemegang amanah tunggal harta-harta wakaf perlu sentiasa bersedia menyusun atur sistem pengurusan ke arah peningkatan kreativiti, mutu kecemerlangan pengurusan agar mampu mengharungi segala pembaruan dalam perkembangan negara. Begitu juga, kebijaksanaan pengurusan wakaf dalam dunia globalisasi, peningkatan penggunaan teknologi, pembangunan teknologi pengendalian wakaf mampu menjadikan wakaf sebagai solusi, (e) pendekatan strategik kepada medium promosi wakaf dalam memberi pengetahuan dan kesedaran kepada

masyarakat. Menanam kepercayaan dan keyakinan masyarakat adalah elemen yang mampu menjadikan institusi wakaf berjaya menjadi wadah pembangunan. Begitu juga promosi terhadap amalan berwakaf sudah tentu akan memberi kefahaman dan pengetahuan kepada masyarakat yang akan mendorong masyarakat lebih ramai berminat untuk menyumbangkan harta melalui amalan berwakaf.

Kesimpulan

Musibah Covid-19 ternyata menjejaskan pertumbuhan sosial dan merencatkan ekonomi selain memberi kesan yang negatif kepada tahap kesihatan masyarakat. Bahkan wabak Corona virus ini telah menjadi pandemik yang saban hari berlaku peningkatan angka kes dan kematian pada dua tahun yang lalu. Setiap negara di dunia berusaha meningkatkan kualiti kesihatan seiring dengan peningkatan kes sembuh dan penurunan kes jangkitan. Perbelanjaan bagi setiap pelan perancangan yang dibuat kerajaan mahupun pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan (NGOs) dalam mengekang wabak dan membantu masyarakat sudah pasti memerlukan peruntukan yang besar. Masyarakat tidak boleh terus mengharap bantuan daripada institusi-institusi perbankan yang mempunyai limitasi kredit dan faedah yang tinggi. Peruntukan dan bantuan kerajaan juga tidak bersifat kekal dan bergantung kepada nilai simpanan negara. Oleh yang demikian, wakaf amat bertepatan menjadi wadah alternatif untuk diketengahkan terutamanya dalam menghadapi pandemik Covid-19. Sejarah beratus tahun lampau telah membuktikan bahawa wakaf berupaya mengurangkan kadar kemiskinan, menjadi pemangkin ekonomi Islam dan melestarikan serta memakmurkan masyarakat dan negara tanpa mengira bangsa dan agama kerana faedahnya memanfaatkan seluruh ummah. Wakaf mempunyai potensi yang besar untuk

diperkasakan di Malaysia kerana merupakan sebuah negara yang majoriti umat Islam, kita seharusnya mendidik generasi baru dan bukan Islam tentang matlamat dan kebaikan wakaf. Penyelidik, golongan akademik dan agama serta kerajaan perlu duduk semeja untuk menjadikan wakaf sebagai agenda utama negara dalam memperkukuhkan struktur kewangan dan ekonomi Malaysia.

Penghargaan

Setinggi-tinggi penghargaan kepada Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Terengganu kerana telah membiayai projek penyelidikan ini di bawah Geran Penyelidikan MyRA untuk Pasca PhD (LPhD), nombor rujukan 600-RMC/GPM LPHD 5/3 (116/2021). Terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam menyelesaikan kajian ini, terutama dalam aktiviti pengumpulan data serta perkongsian ilmu sepanjang kajian ini. Kami mengakui institusi yang dinyatakan membiayai kajian ini, sumbangan artikel jurnal kepada bidang pengajian berkaitan Pengurusan dan Pembangunan Institusi Wakaf, Ekonomi Islam dan Asset Islam.

Rujukan

Ab Rahman, A. (2009). Peranan Wakaf dalam Pembangunan Ekonomi Umat Islam dan Aplikasinya di Malaysia. *Jurnal Syariah*, 17(1): 113-152 (*In Malay*).

Abdul Ghani, A., Shafie, R., Md. Saleh, M.S., Elham, F., Abdul Kadir, M.H., Ismail, M.S., & et, al (2017). Isu-Isu Pengurusan dan Pelaporan Wakaf, Zakat dan Baitulmal Di Malaysia, *IPN Journal*, 7(1): 41-52. Universiti Utara Malaysia <https://doi.org/10.58458/ipnj.v07.01.04.0048b> (*In Malay*).

Abdul Haniff, H.S.N, Habibi Long, M.N & Ahmad, N.H. (2021). Inisiatif dan Inovasi

Institusi Zakat Era Pendemik Covid-19- Satu Penelitian Terhadap Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK), *International Journal of Islamic Business*, 6(2): 1-14. <https://doi.org/10.32890/ijib2021.6.2.1> (*In Malay*).

Abdul Talib, K.M.S & Ramayah, T. (2013). *Business Research Methods*. New York: Oxford Fajar Sdn Bhd.

Abdullah, M.S. (2009). Eksistensi Wakaf Tunai di Pulau Pinang: Satu Analisis Mengenai Potensi dan Mobilisasi Dana untuk Pembangunan Ekonomi Umat Islam, Kertas Kerja ibentangkan di Bengkel Antarabangsa Siswazah (INGRAW09), 18-19 Ogos 2009, Universiti Sains Malaysia, Penang, Malaysia (*In Malay*).

Abu Zahrah, M. (2007). *Wakaf Menurut Agama dan Undang-Undang H.M. Yusuf Sinaga* (Terj.). Puchong Selangor: Berlian Publications (*In Malay*).

Ahmad, Y., Suratman, M. N., Hassim, A., Md Amir, M. A., & Abd Latif, Z. (2021). Mendepani Pandemik COVID-19: Bukti Empirikal daripada Hasil Penyelidikan. UiTM Press (*In Malay*).

Ahmed, H. (2004). *Role of Zakah and Awqaf in Proverty Allevition*. Jeddah, Saudi Arabia: King Fahd National Library Cataloging in Publication Data.

Ali, S.Z. & Wahid, H. (2014). Peranan dan Kepentingan Dana Wakaf Institusi Pendidikan di Malaysia, Kertas kerja dibentangkan di Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke-9 (PERKEM ke-9) "Urus Tadbir Ekonomi yang Adil: Ke Arah Ekonomi Berpendapatan Tinggi" Nam Hotel/Lokasi tempat, 17-19 Oktober 2014, Kuala Terengganu, Malaysia (*In Malay*).

Al-Jurjani, Muhammad al-Sayid al-Syariff. A., (2004), *Mu'jamal-Ta'rifat* (Tahqiq)

Muhammad Sadiqal Minsyawi. Kaherah: Dar al-Fadilah.

Al-Syarbīnī, Shams al-Dīn Muḥammad al-Khaṭīb. (1997). *Mughniy al-Muhtaj ila Ma'rifat Alfaz al-Minhaj*. jil. 2. Beirut: Dār al-Ma 'rifah.

Anwar, I. F., Dali, M. N. R. S., Abdul Shukor, S., & Nazri, M. A. (2020, October). *Pandemik Covid-19: Wakaf Sebagai Alternatif Penyelesaian Kepada Malaysia*. In: *E-Proceeding: Seminar Antarabangsa Islam dan Sains*: 303-314 (*In Malay*).

Awang, M.G., Kumar, S., Siti Zanariah Satari & Kunjambu, B. (2008). *An Introduction to Research Methodology for Social Sciences*. Kuantan: Reka Letak dan Urus Cetak.

Babbie, E. (2007). *The Practice of Social Research*. California: Thomson Wadsworth.

Borham, A.S & Mahamood, S.M. (2013). *Wakaf Korporat Johor Corporation dan Sumbangannya dalam Memenuhi Tanggungjawab Sosial Islam di Malaysia: Satu Tinjauan*, *Journal of Techno-Sosial*, 5(20): 61-77 (*In Malay*).

Bulmer, M. & Donald, P. W. (1993). *Social Research in Developing Countries Surveys and Censuses in The Third World*. London: UCL Press Limited.

Che Seman, A., Mahamood, S.M., Abd Rahman, A., Abdul Aziz, A., & Kamal, A. (2014). *Perkembangan Konsep dan Prinsip Wakaf*. *Pelestarian Institusi Wakaf Memperkasa Pendidikan Tinggi Negara*, *Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia*: 225-240 (*In Malay*).

Cizakca, M. (2006). *Economic Dimensions of Foundations in the Ottoman Era. Philanthropy in Turkey: Citizens,*

Foundations, and the Pursuit of Social Justice. Third Sector Foundation of Turki.

Dulfikar, A. (2023). *Revitalisasi Hukum Zakat dan Wakaf untuk Pembangunan Ekonomi dan Sosial di Dunia Islam*. *QANUN: Journal of Islamic Laws and Studies*, 1(2): 96-101. <https://doi.org/10.58738/qanun.v1i2.159> (*In Malay*).

Farique, M. A. M., & Fauzi, M. A. M. (2021). *Implikasi Pandemik COVID-19 Terhadap Ekonomi Global dan Ekonomi Malaysia: Implications of COVID-19 Pandemic on Global Economy and Malaysian Economy*. *International Journal of Interdisciplinary and Strategic Studies*, 2(2): 122-129. <https://doi.org/10.47548/ijistra.2021.32> (*In Malay*).

Hamid, C.K. (2010). *Pengurusan Skim Dana Wakaf: Kajian Di Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP)*. Tesis Sarjana diserahkan kepada Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Pengurusan dan Pembangunan Islam Universiti Sains Malaysia. Tidak diterbitkan (*In Malay*).

Harun, A., & Abdullah, N. (2004). *Metodologi Penyelidikan Ekonomi dan Sains Sosial*. Australia: Thomson Learning (*In Malay*).

Hasbulah, M. H., Mohamad, N., Saaidun, N. S. N., & Zuki, M. F. M. (2022). *Potential of Waqf Instrument During Covid-19: A Literature Review on Majlis Agama Islam & Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs)*. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 12(4): 1120–1134. <http://dx.doi.org/10.6007/IJARBS/v12-i4/12918>

Ibhrim, Z., Muda, Z., Zur Raffar, I.N.A. Abdul Aziz, S. & Zainuddin, M. (2022). Impak Pandemik Covid-19 Terhadap Kesejahteraan Ekonomi Isi Rumah B40: Satu Kajian Rintis. *International Journal of Accounting, Finance and Business*, 5(39): 39-52 (*In Malay*).

Ibhrim, Z., Raffar, Z., Aida, I. N., Mujani, W. K., & Yaacob, S. E. (2022). Kajian Rintis Terhadap Impak Pandemik COVID-19 Ke Atas Taraf Hidup Isi Rumah B40. *Journal of Islamic Philanthropy & Social Finance*, 4(2): 17-28. <https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/78149> (*In Malay*).

Ibn Manzur, Abi al-Fadl Jamal al-Din Muhammad bin Mukram al-Afriqi al-Masri (t.t.). *Lisan al- 'Arab*, Beirut: Dar Sadir.

Isamail, M. Z., Rosele, M. I., Ramli, M. A. (2015). *Pemeriksaan Wakaf Di Malaysia: Satu Sorotan*. *Labuan e-Journal of Muamalat and Society*, 9: 1-13. <https://doi.org/10.51200/ljms.v9i.2983> (*In Malay*).

Junoh, N., Zin, M. N. M., Mustapha, A. M., Yusuf, N., Jusoh, N. A. M., Mustafa, Z., & Din, N. M. N. (2023). Analisis Strategi Pengurusan Zakat dalam Mendepani Covid-19: Tinjauan di Unit Zakat, Sedekah dan Wakaf UiTM Cawangan Kelantan (UZSW): Analysis of Zakat Management Strategy in Dealing With COVID-19: An Overview of Zakat, Sedekah and Wakaf Unit UiTM Kelantan (UZSW). *Journal of Fatwa Management and Research*, 28(1): 116-131. <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol28no1.502> (*In Malay*).

Kahf, M. (1999). Financing the Development of Awqaf Property. *American Journal of Islam and Society*, 16(4): 39-66. <https://doi.org/10.35632/ajis.v16i4.2099>

Kahf, M. (1998). *Fiqhi Issues in the Revival of Awqaf*. Islamic Horizons. Presented at the Harvard Forum on Islamic Finance and Economics, Harvard University, U.S.A. on October 1, 1999.

Kamarudin, K.H., Hassan, A.A.G. @ Mohammad, Rashid, M.F. dan Loganathan, N. (2021). Impak Covid-19 Terhadap Kelestarian Sosioekonomi Masyarakat Pedalaman di Malaysia: Kajian Kes Daerah Segamat Johor. *Journal of Education and Social Sciences*, 18(3): 33-43. (*In Malay*).

Karim, A.K., Rosman, A.S, & Rahman, A., (2014). *Konsep Wakaf Kesihatan & Perkembangannya Di Malaysia*, Kertas kerja dibentangkan di Muktamar Wakaf Iqlimi 2014 di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) pada 29 April 2014 (*In Malay*).

Mahamood, S. M. (2007). *Pembentukan Dana Wakaf Menurut Perspektif Syariah dan Undang-Undang Serta Aplikasinya di Malaysia*. *Jurnal Syariah*, 15(2): 61–83.

Mahamood, S. M. (2020). *Wakaf Penuhi Keperluan Ekonomi dan Perkasa Ummah*. <https://www.bharian.com.my/rencana/muka10/2020/04/681394/wakaf-penuhi-keperluan-ekonomi-perkasa-ummah>, diakses pada 10 September 2023 (*In Malay*).

Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, MAIK (2017). (Atas talian), <https://waqafunai.e-maik.my/v1/>, diakses pada 20 November 2017. (*In Malay*).

Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu, MAIDAM (2017). (Atas talian), http://www.maidam.gov.my/index.php/index.php/perkhidmatan-kami/skim_wakaf-

tunai, diakses pada 20 November 2017 (*In Malay*).

Marican, S. (2005). Kaedah Penyelidikan Sains Sosial. Selangor: Prentice Hall. MAWIP. 2020. Pengertian Wakaf. <https://www.maiwp.gov.my/i/index.php/en/2015-11-2007-49-26/wakaf>, diakses pada 10 September 2023 (*In Malay*).

Mohamad 'As'Syaqim Mohamad Idris, A., Manaf, A., Salleh, A. D., Omar, A. J., Ramli, Z., & Ishak, S. (2023). Kerelevanan Wakaf dalam Mengurus Tanah Terbiar di Malaysia. *Akademika*, 93(1): 293-306. <https://doi.org/10.17576/akad-2023-9301-21> (*In Malay*).

Noor, A. B., & Zakaria, M. S. (2010). Takaful: Analisis Terhadap Konsep dan Akad. *Jurnal Muamalat*, 3: 1-23 (*In Malay*).

Mohd. A. C., (2012, September). Pembangunan Wakaf: Pengalaman Malaysia. Kertas kerja dibentangkan di Seminar Wakaf Serantau-di Sunway Putra, Kuala Lumpur (*In Malay*).

Mohiddin, M. S., Kurniawan. C. S. (2022). Potensi Wakaf Dalam Menghadapi Pandemik Covid 19. *Malaysian Journal for Islamic Studies*. e-ISSN: 2550-2042. <http://dx.doi.org/> (*In Malay*).

Mustaffa, M.F., Muhammad Kamil, A.M., Khalin, M.R., Bulabita, A. & Othman, Y. (2022). Pengurusan Wakaf Di Malaysia: Peluang & Cabaran dalam Melestarikan Pembangunan Masyarakat, *International Journal of Contemporary Issues* 2(1): 111-122 (*In Malay*).

Mustofa Al-Khin, Mustofa Al-Bugho & Ali Asy-Syarbaji (1998). *Kitab Fikah Mazhab Syafie Jilid: 5: Menghuraikan Bab Wakaf, Wasiat dan Faraid*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam (*In Malay*).

Ngadimon, M.N. (2015). Pembangunan Wakaf: Pendanaan Melalui Sukuk Sustainable and Responsible Investment (SRI), Kertas kerja dibentangkan di Muzakarah Ahli Majlis Syariah Institusi Kewangan di Malaysia Kali Ke-11 di Dewan Persidangan Sasana Kijang, Bank Negara Malaysia (BNM), Kuala Lumpur pada 12 November 2015 (*In Malay*).

Othman, M. S. A. (1998). Peranan Wakaf di dalam Pembangunan Ummah. Ahmad Ibrahim (ed.), *Al-Ahkam Jilid 6, Undang-undang Keluarga dan Pentadbiran Harta Wakaf*, Selangor Darul Ehsan: DBP: 157-178 (*In Malay*).

Othman, R. (2013). *Institusi Wakaf Sejarah dan Amalan Masa Kini*. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur (*In Malay*).

Othman, R. (2013). Penggunaan Wang dalam Wakaf Tunai: Satu Analisis dari Perspektif Falsafah Wang Fiat. Kertas kerja dibentangkan di Workshop Antarabangsa Pembangunan Islam (WAPI 6), di Universiti Muhammadiyah Sumatera Utara (UMSU), Medan (*In Malay*).

Othman, R. (2014). Penggunaan Wang Sebagai Instrumen Wakaf Tunai: Satu Kajian Teoretis. Tesis Ijazah Doktor Falsafah Serah kepada Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang (Tidak diterbitkan) (*In Malay*).

Othman, R. (2015). *Wakaf Tunai: Sejarah, Amalan dan Cabaran Masa Kini*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka (*In Malay*).

Othman, Z.H. & Ahmad, M.Y. (2013). Saham Wakaf Pahang: Pengurusan dan Isu-isu Pelaksanaannya, Kertas kerja dibentangkan di Prosiding Kolokium

Siswazah Jabatan Syariah di Bilik Seminar Siswazah I, Fakulti Pengajian Islam, UKM, Selangor pada 23 Disember 2013.

Perbadanan Wakaf Selangor (PWS). 2020. Pengenalan Wakaf. <http://www.wakafselangor.gov.my/index.php/wakaf/pengenalan-wakaf>, diakses pada 10 September 2023 (*In Malay*).

Piaw, Y. C. (2007). Penyelidikan Pendidikan: Pendekatan Kuantitatif dan Kualitatif Malaysia: McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd. (*In Malay*).

Pilus, F. A. M. 2020. Pengiktirafan Dunia kepada Malaysia. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2019/02/420588/pengiktirafan-dunia-kepada-malaysia>, diakses pada 10 September 2023 (*In Malay*).

PRPM @ DBP Malaysia (2008). Atas talian, <http://prpmv1.dbp.gov.my/>, diakses pada 1 Januari 2008 (*In Malay*).

Ab Rahman, A. (2009). Peranan wakaf dalam pembangunan ekonomi umat Islam dan aplikasinya di Malaysia. *Jurnal Syariah*, 17(1): 113-152 (*In Malay*).

Ramli, A. M., Mohamed, M. O., Jalil, A., & Hamid, S. A. (2016). Cabaran Pembiayaan Sektor Pengajian Tinggi Awam di Malaysia: Potensi Instrumen Wakaf Tunai. dalam Mohd Solahuddin Shahrudin, *Sinergisme Wakaf Pendidikan Tinggi di Malaysia*, Shah Alam: Institut Kajian Zakat Dan Wakaf (*In Malay*).

Ramli, A.M., & Jalil. A., (2014). Model Perbankan Wakaf Korporat: Analisis Wakaf Selangor Muamalat, *Jurnal Pengurusan*, 42: 159-167 (*In Malay*).

Rashid, F.D. Razi Yaakob, Lateh, H.M. & Nik Ruslan, N.I. (2022). Penelitian Terhadap Wakaf Kediaman dan Pendidikan

di Malaysia Menerusi Komperatif Negara Terpilih. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 23(3): 40-57. <https://doi.org/10.37231/jimk.2022.23.3.69> 6. (*In Malay*).

Rashid, U. S. A., Yusof, M. F. M., & Bhari, A. Analisis Peranan Wakaf Dalam Industri Makanan Sebagai Jaminan Kualiti Hidup, *Global Journal Al-Thaqafah, Special Issues*: 183-201 (*In Malay*).

Sabran, O. (2002). Pengurusan harta wakaf. Skudai, Johor Bharu: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia (*In Malay*).

Sayin, B., Ali. A & Suyurna, S. (2006). Pengenalan pengurusan wakaf di Malaysia. Selangor: Penerbitan Universiti Teknologi MARA (*In Malay*).

Sekaran, U. (2005). *Research Methods for Business: A Skill-Building Approach*. New Delhi: John Wiley dan Sons Inc.

Shrestha, N., Shad, M.Y. & Ulvi, O. & et al (2020). The Impact of Covid-19 on Globalization. *One Health*, 11: 2-9. <https://doi.org/10.1016/j.onehlt.2020.100180>

Suhaili, N. A., & Palil, M. R. (2016). Crowdfunding: A collaborative waqf based internet platform. *International Journal of Business, Economics and Law*, 11(5): 41-46.

Sulaiman, M., Ismail, M., Mohd. Deni, M.I. & Muhammad Som, H. (2015). Perkembangan Wakaf Pendidikan Di Singapura, *Journal of Educational Policy*, 2: 267-291 (*In Malay*).

Wan Ab Rahaman, W.M. A. F. & Salmey Edawati Yaacob (2014). Takaful Wakaf Di Syarikat Takaful Malaysia Berhad: Sorotan Literatur, *International Journal of Islamic*

Studies, 36(2): 47-56. 10.17576/islamiyyat-2014-3602-05 (*In Malay*).

Wan Yon, W.A., Abdul Latif, M.O. & Bahrom, H. (2008). Mekanisme wakaf: Gagasan Awal Terhadap Pembangunan dan Pembiayaan Pusat Penyelidikan dan Perkembangan Islam Borneo. *Jurnal Pengurusan JAWHAR*, 2(2): 63-86 (*In Malay*).

Yaacob, H. 2013. Waqf History and Legislation in Malaysia: A Contemporary Perspective. *Journal of Islamic and Human Advanced Research*, 3(6): 387–402.